



MOHAMED FAJEER AWANG BESAR atau A.B.M Fajeer (Allahyarham), dilahirkan di Sri Lanka pada 30 Disember 1952 dan kembali ke rahmahtullah pada 8 Januari 2013. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kerajaan Berhala Darat dan Sekolah Menengah Sung Siew, Sandakan. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Maktab Sabah, Kota Kinabalu. *Ilham* adalah puisi pertama beliau yang tersiar dalam akhbar Kinabalu Sabah Times pada 2 November 1968. Meminati semua bidang penulisan termasuk cerpen, rencana, dan skrip drama radio. Beliau merupakan salah seorang penulis veteran negeri Sabah yang aktif pada zamannya, karya-karya beliau sering tersiar dalam akhbar-akhbar tempatan juga dalam beberapa antologi puisi *Gema Lembah Kinabalu*, *Nyanyi dari Desa*, *Siapakah Antara*

Kita, *Sewaktu Bertemu*, *Rinduku Sebuah Nusa*, *Tasbih Hayat* dan *Kita Kata Kota*. Selain menulis, mantan Timbalan Presiden (I) Majlis Perbandaran Sandakan ini juga bergiat aktif dalam bidang seni suara dan merupakan salah seorang yang pernah bergelar artis negeri Sabah. Mohamed Fajeer Awang Besar juga aktif berpesatuan dan pernah mengetuai beberapa persatuan penulis dan kebudayaan di daerah Sandakan, seperti Badan Bahasa Sabah (BAHASA) Cawangan Sandakan, Persatuan Seni Tawau (PESTA) dan Warna-Warni Seni Sandakan (WARISAN). Beliau juga antara pemenang Hadiah Sastera Sabah dalam genre puisi, yang diperkenalkan pada tahun 1973 di negeri Sabah. Pada tahun 1991 beliau dianugerahi Tokoh Sastera Sandakan dekad 80-an, sempena Perayaan Dasawarsa Warna-Warni Seni Sandakan (WARISAN) dan Tokoh Penyair Islam Sabah pada tahun 2004 juga Tokoh Maulidur Rasul peringkat negeri Sabah pada tahun 2005.